



PEKELILING BENDAHARI BIL 1 TAHUN 2012

PENETAPAN KADAR STANDARD BAGI PERBELANJAAN JAMUAN (PER KEPALA)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan penetapan kadar standard bagi perbelanjaan jamuan (per kepala) sebagai panduan dan rujukan ketika penyediaan jamuan sewaktu menganjurkan sebarang aktiviti universiti/pusat pengajian.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelbagai aktiviti sering dilaksanakan di UniMAP sama ada di peringkat Universiti mahupun di peringkat PTJ. Antara aktiviti yang melibatkan penyediaan jamuan ialah mesyuarat, kursus, bengkel, lawatan, seminar, forum dll.
- 2.2 Bagi aktiviti yang dilaksanakan di lokasi yang bukan hotel atau restoran, perkhidmatan catering akan digunakan bagi penyediaan makanan. Namun, tiada kadar harga standard yang boleh digunapakai oleh setiap penganjur aktiviti. Hal ini menyebabkan ketidakseragaman dalam penyediaan bajet oleh setiap penganjur majlis.
- 2.3 Oleh yang demikian, satu kertas cadangan Penetapan Kadar Standard Bagi Perbelanjaan Jamuan (Per Kepala) telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan kali ke 20 pada 7 Feb 2012 yang lalu.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Penetapan kadar harga standard perbelanjaan jamuan (per kepala) adalah seperti berikut :

3.1.1 Kaedah Bufet

Bil.	Jenis Jamuan	Kadar Dicadangkan (RM)			
		Tetamu Diraikan	Ketua Jabatan	Staf	Pelajar
1.	Sarapan pagi	-	5.00	4.00	3.00
2.	Minum pagi	-	5.00	4.00	3.00
3.	Makan tengahari	-	12.00	8.00	6.00
4.	Minum petang	-	5.00	4.00	3.00
5.	Makan malam	-	12.00	8.00	6.00
6.	Minum lewat malam	-	5.00	4.00	3.00

3.1.2 Kaedah Hidangan

Bil.	Jenis Jamuan	Kadar Dicadangkan (RM)			
		Tetamu Diraikan*	Ketua Jabatan	Staf	Pelajar
1.	Sarapan pagi	15.00	6.00	5.00	4.00
2.	Minum pagi	15.00	6.00	5.00	4.00
3.	Makan tengahari	40.00	15.00	10.00	7.00
4.	Minum petang	15.00	6.00	5.00	4.00
5.	Makan malam	40.00	15.00	10.00	7.00
6.	Minum lewat malam	15.00	6.00	5.00	4.00

*Harga adalah termasuk sarung kerusi dan caj perkhidmatan

3.1.3 Penetapan kadar bagi lain-lain Perkhidmatan Tambahan (jika perlu)

Bil.	Butiran	Harga
1.	Sarung Kerusi	2.00/kepala
2.	<i>Lazy Susan</i>	2.50/kepala
3.	<i>Dome</i>	8.00/kepala

3.2 Kadar harga yang disenaraikan adalah harga siling bagi setiap jenis jamuan yang dinyatakan. Penganjur aktiviti perlu membuat permohonan peruntukan jamuan dengan kadar tidak melebihi harga siling yang dinyatakan.

3.3 Bagi aktiviti yang melibatkan enam (6) kali makan dan minum untuk sehari semalam, pakej yang dicadangkan ialah :

3.3.1 Staf RM 30.00 – RM 40.00

3.3.2 Pelajar RM 20.00 – RM 25.00

3.4 Panduan menu mengikut kadar harga adalah seperti berikut:

Sarapan pagi	RM 5.00 makanan berat, dan 3 jenis kuih	RM 4.00 makanan berat dan 1 @ 2 jenis kuih	RM 3.00 makanan berat atau kuih
	minuman	minuman	minuman
Minum pagi	RM 5.00 makanan berat, dan 3 jenis kuih	RM 4.00 makanan berat dan 1 @ 2 jenis kuih	RM 3.00 makanan berat atau kuih
	minuman	minuman	minuman
Makan tengahari	RM 12.00 1 jenis nasi 4 jenis lauk 1 jenis sayur 1 pencuci mulut 1 jenis minuman	RM 8.00 1 jenis nasi 3 jenis lauk 1 jenis sayur 1 jenis minuman	RM 6.00 1 jenis nasi 2 jenis lauk 1 jenis sayur 1 jenis minuman

Minum petang	RM 5.00	RM 4.00	RM 3.00
	makanan berat, dan 3 jenis kuih minuman	makanan berat dan 1 @ 2 jenis kuih minuman	makanan berat atau kuih minuman
Makan malam	RM 12.00	RM 8.00	RM 6.00
	1 jenis nasi 4 jenis lauk 1 jenis sayur 1 pencuci mulut 1 jenis minuman	1 jenis nasi 3 jenis lauk 1 jenis sayur 1 jenis minuman	1 jenis nasi 2 jenis lauk 1 jenis sayur 1 jenis minuman
Minum lewat malam	RM 5.00	RM 4.00	RM 3.00
	makanan berat, dan 3 jenis kuih minuman	makanan berat dan 1 @ 2 jenis kuih minuman	makanan berat atau kuih minuman

** kadar harga bufet digunakai sebagai panduan.*

- 3.5 Menu yang dicadangkan mestilah menjurus kepada 'menu sihat' bagi membantu menjaga kesihatan staf dan pelajar.
- 3.6 Untuk penganjuran kursus/latihan untuk staf secara dalaman hanya minum pagi dan makan tengahari sahaja disediakan bagi kursus/latihan yang dianjurkan bermula pagi hingga petang.
- 3.7 Perbelanjaan jamuan bagi majlis yang diadakan di hotel atau restoran adalah tertakluk kepada kadar sebenar yang ditawarkan dan perlu mendapat kelulusan Naib Canselor.
- 3.8 Kadar ini tidak terpakai untuk majlis-majlis utama UniMAP yang melibatkan pembesar-pembesar Negeri atau Persekutuan yang dikendalikan oleh penyaji profesional luar yang dilantik..

4.0 TARIKH KUATKUASA

Penetapan kadar ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Sedekad Gemilang, Bertekad Terbilang’**

(SAODAH BINTI HASSAN)

Bendahari

sk. Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Pendaftar
Pustakawan
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/ Dekan